



EDISI 2 2023

MANUAL LATIHAN INDUSTRI KOLEJ PROFESIONAL MARA

Copyright 2023

Bahagian Pendidikan Tinggi MARA

CETAKAN KEDUA 2023

@Hak Cipta Bahagian Pendidikan Tinggi MARA

Dokumen ini bukan untuk bacaan dan rujukan umum. Oleh itu tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan dokumen ini dalam sebarang bentuk dan melalui sebarang cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi MARA.

Unit Pembangunan Pengajian Kolej Profesional MARA

Bahagian Pendidikan Tinggi MARA

Tingkat 12, Ibu Pejabat MARA

21, Jalan MARA

50609 Kuala Lumpur

TAKRIF

BIL	SINGKATAN	MAKSUD
1	BDR	Bekerja Dari Rumah
2	DTP	Ditamatkan Pengajian
3	HSO	<i>Home Surveillance Order</i> (Perintah Pengawasan di Rumah)
4	ITM	<i>Industrial Training Management</i> (Pengurusan Latihan Industri)
5	ITR	<i>Industrial Training</i>
6	KJ	Ketua Jabatan
7	KP	Ketua Program
8	KPM	Kolej Profesional MARA
9	KUPP	Ketua Penilaian dan Pensijilan
10	LI	Latihan Industri
11	PAP	Pegawai Akademik Pelajar
12	Pengurusan Pusat	Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam KPM
13	PIP	Penyelia Industri Pelajar
14	PNG	Purata Nilai Gred
15	PPI	Pegawai Perhubungan Industri
16	Pusat	Kolej Profesional MARA
17	TPHEA	Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Akademik)
18	TSP	Tiga Semester Panjang
19	UPP	Unit Penilaian dan Pensijilan

1.0 PENGENALAN

Latihan Industri (LI) merupakan satu komponen utama dalam struktur program bagi kebanyakan program pengajian Diploma di Kolej Profesional MARA (KPM). Ia merupakan syarat yang diwajibkan ke atas pelajar sebelum layak dipertimbangkan untuk penganugerahan Diploma.

Pelajar KPM yang diwajibkan perlu menjalani LI dalam tempoh di antara 12 minggu hingga 24 minggu bergantung kepada keperluan program.

Kini sistem semester pengajian bagi program Diploma di Kolej Profesional MARA telah dikemaskini mengikut sistem Tiga Semester Panjang (TSP) di mana pelajar melalui tempoh kuliah selama 12 minggu bagi melengkapkan satu semester.

Namun begitu, tempoh LI tetap tidak berubah kerana tempoh tersebut telah termaktub dalam keperluan standard program MQA dan program itu sendiri.

Manual Latihan Industri Kolej Profesional MARA (dahulunya dikenali sebagai Panduan Pengendalian Latihan Industri KPM) diwujudkan bagi melancarkan proses pengurusan dan pelaksanaan Latihan Industri di setiap pusat.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Objektif utama Latihan Industri (LI) adalah seperti berikut:
- 2.1.1 Memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi di bilik kuliah kepada persekitaran pekerjaan sebenar.
 - 2.1.2 Membantu menambahkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam aspek:
 - i. Bekerja dan berhubung dengan orang lain
 - ii. Mengurus dan membina diri
 - iii. Mengurus tugas dan menyelesaikan masalah
 - iv. Menggunakan kreativiti
 - v. Berkomunikasi;
 - vi. Dan kemajuan mencapai Hasil Pembelajaran Kursus setiap kursus LI yang telah ditetapkan.
 - 2.1.3 Memperbaiki sikap dan membentuk keyakinan diri yang positif
- 2.2 Buku panduan ini diharapkan dapat membantu pihak pusat menguruskan LI pelajar-pelajar KPM dengan berkesan dan selaras bagi semua program di semua KPM

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pengenalan	3
2.0	Tujuan	4
3.0	Pelaksanaan Latihan Industri	7
	3.1 Pelaksanaan	7
	3.2 Tempoh Latihan	7
	3.3 Bidang Kerja	8
	3.4 Tempat Latihan	8
	3.5 Penilaian	9
	3.6 Prosedur	10
	3.6.1 Sebelum Latihan Industri	10
	3.6.2 Semasa Latihan Industri	13
	3.6.3 Selepas Latihan Industri	16
	3.7 Kehadiran	17
	3.7.1 Laporan	17
	3.7.2 Cuti Sakit	17
	3.7.3 Cuti Kematian	18
	3.7.4 Pengurusan Kes Penyakit Berjangkit (Kuarantin)	18
4.0	Lawatan Seliaan	18
5.0	Penulisan Laporan Latihan Industri	20
6.0	Peranan Pegawai Perhubungan Industri (PPI)	22
7.0	Peranan Pegawai Akademik Pelajar (PAP)	23
8.0	Peranan Penyelia Industri Pelajar (PIP)	23
9.0	Peranan Pelajar	23
10.0	Peranan Penyelaras Latihan Industri Program di Pusat	25
11.0	Peraturan/ Disiplin/ Hukuman	25
12.0	Pertukaran Tempat Latihan Industri	30
13.0	Penangguhan Tempat Latihan Industri	32
14.0	Lanjutan Tempoh Latihan Industri	32
15.0	Panduan Pengurusan Kes Semasa Latihan Industri	33
	15.1 Kemalangan Pelajar Di Tempat Kerja	33
	15.2 Kes Kematian Pelajar Latihan Industri	35
	15.3 Kes Kerosakan Harta Benda Syarikat	35
	15.4 Penamatan Awal Oleh Majikan	36
16.0	Lampiran 1 Carta Alir Prosedur Latihan Industri	37
17.0	Lampiran 2 Senarai dan Contoh Dokumen	41

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Jadual 1: Senarai Tempoh dan Program Latihan Industri	8
2.0	Jadual 2: Pemberat markah Latihan Industri	10
3.0	Jadual 3: Garis Masa Sebelum Latihan Industri	12
4.0	Jadual 4: Garis Masa Semasa Latihan Industri	15
5.0	Jadual 5: Garis Masa Selepas Latihan Industri	17
6.0	Jadual 6: Ketidakhadiran	17
7.0	Jadual 7: Format Laporan LI	21
8.0	Jadual 8: Kesalahan dan Hukuman Sebelum Menjalani LI	27
9.0	Jadual 9: Kesalahan dan Hukuman Semasa Menjalani LI	28
10.0	Jadual 10: Kesalahan dan Hukuman Selepas Menjalani LI	29

3.0 PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI

3.1 Pelaksanaan

- 3.1.1 Dilaksanakan semasa pelajar mengikuti semester akhir sesi pengajian kecuali pelajar yang telah dikenalpasti perlu meneruskan pengajian ke semester seterusnya (*extended semester*).
- 3.1.2 Pelajar dibenarkan menduduki Peperiksaan Ulangan (*Supplementary Paper*) bagi kursus yang diambil pada semester akhir sebelum menjalani LI.
- 3.1.3 Pelajar hanya dibenarkan menjalani LI selepas berjaya melepasi semua kursus dalam tempoh maksimum 7 semester.
- 3.1.4 Pelajar dibenarkan untuk mengulangi LI buat kali kedua sekiranya gagal kali pertama dan hanya maksimum 2 kali percubaan dibenarkan.
- 3.1.5 Maksimum gred yang dianugerahkan kepada pelajar yang mengulangi LI adalah gred B.
- 3.1.7 Pelajar boleh dikenakan status Ditamatkan Pengajian (DTP) sekiranya gagal bagi percubaan kali kedua.

3.2 Tempoh latihan :

- 3.2.1 12 minggu hingga 24 minggu bergantung kepada keperluan program.
- 3.2.2 Walau bagaimanapun, tempoh boleh dilanjutkan selepas tarikh akhir LI mengikut permintaan dan persetujuan antara majikan dan pelajar.
- 3.2.3 Penilaian adalah berdasarkan kepada latihan 12 minggu hingga 24 minggu pertama dan wajib menghadiri sesi

pembentangan yang telah ditetapkan oleh pusat. Elaun sara hidup tertakluk kepada peraturan sedia ada.

3.2.4 Tempoh seminggu LI dikira apabila pelajar melengkapkan sekurang-kurangnya 3 hari bekerja dalam minggu tersebut.

Bil	Program	Kod ITR	Tempoh (Minggu)
1	Diploma in Computer Networking (DCN)	ITR 35912	24
2	Diploma in Creative Digital Media Production (DCD)	ITR 3578	24
3	Diploma in English Communication (DEC)	ITR 3568	16
4	Diploma in Computer Science (DCS)	ITR 3616	12
5	Diploma in Landscape and Horticulture (DLH)	ITR 3628	16
6	Diploma in Halal Industry (DHI)	ITR 3586	12
7.	Diploma in Islamic Finance (DIF) (dahulunya dikenali sebagai <i>Diploma in Islamic Banking and Finance</i>)	ITR 3656	12

Jadual 1: Senarai Tempoh dan Program Latihan Industri

3.2 Bidang kerja

Mengikut skop latihan yang ditentukan bagi setiap program pengajian (Sila rujuk silibus program pengajian).

3.4 Tempat latihan

3.4.1 Syarikat swasta, jabatan kerajaan atau badan berkanun (mengikut bidang program).

3.4.2 Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di syarikat milik keluarga atau syarikat milik sendiri.

- 3.4.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk menjalani LI di luar negara dan hanya boleh laksana LI di syarikat yang berdaftar dan sah sahaja.
- 3.4.4 Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di premis kediaman dan pelaksanaan LI adalah secara fizikal. Namun begitu, pelaksanaan LI melalui Bekerja Dari Rumah (BDR) adalah dibenarkan bergantung kepada peraturan dan polisi semasa syarikat.
- 3.4.5 Pelajar perlu memaklumkan secara bertulis beserta dokumen sokongan kepada pusat jika dibenarkan bekerja dari rumah oleh syarikat.
- 3.4.6 Peraturan di tempat latihan berkaitan waktu bekerja, pakaian, kerahsiaan dan peraturan-peraturan pejabat adalah tertakluk pada syarat-syarat tempat latihan.

3.5 Penilaian

- 3.5.1 Penilaian dilakukan setelah pelajar menamatkan LI.
- 3.5.2 Mengikut penilaian yang ditentukan bagi setiap program pengajian (Sila rujuk silibus program pengajian)
- 3.5.3 Nilai kredit LI adalah 4 hingga 12 jam kredit (bergantung kepada program) dan penilaian dibuat secara pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) (Rujuk Peraturan Akademik Program Diploma Kolej Profesional MARA).
- 3.5.4 Penggunaan bahasa :
 - 3.5.4.1 Laporan / Buku Log / Emel – Bahasa Inggeris
 - 3.5.4.2 Surat menyurat rasmi – Bahasa Melayu

3.5.5 Agihan Markah:

Bil	Kriteria	Agihan
1.	Buku log	15%
2.	Rumusan Kerja Mingguan*	5%
3.	Kehadiran	10%
4.	Laporan Penyelia Industri	20%
5.	Pembentangan Latihan Industri	20%
6.	Laporan Latihan Industri	20%
7.	Pengurusan Latihan Industri	10%
JUMLAH		100 %

Jadual 2: Pemberat Markah Latihan Industri

* Pelajar dikehendaki menghantar e-mel Aktiviti Harian pada setiap minggu kepada Penyelia Akademik Pelajar (PAP) dan salinan kepada Penyelia Industri Pelajar (PIP).

3.6 Prosedur Latihan Industri

3.6.1 Sebelum Latihan Industri:

- i. Pegawai Perhubungan Industri (PPI) mengenal pasti Penyelia Akademik Pelajar (PAP).
- ii. Ketua Unit Peperiksaan dan Persijilan (KUPP) dan PPI mengenal pasti pelajar yang layak mengikuti LI pada semester akhir (lulus semua kursus dan tidak perlu mengambil kursus di semester akhir sebagai *extended semester*. Bagi situasi tertentu, pelajar mesti mendapat kelulusan Senat Pusat).
- iii. PPI mengadakan taklimat pertama mengenai tatacara memohon tempat LI kepada pelajar:
 - menerangkan kepada pelajar objektif LI, prosedur dan permohonan tempat latihan.
 - mengedarkan tentatif LI dan senarai semak LI
 - mengedarkan dokumen berikut:

- Surat Pengesahan Pelajar
 - Surat Jawapan Penempatan Latihan Industri
 - Struktur Program
- mengingatkan pelajar agar melampirkan kesemua dokumen di atas bersama-sama *resume*, *cover letter* dan slip keputusan peperiksaan terkini semasa menghantar permohonan.
- iv. Pelajar menghantar surat permohonan kepada pihak syarikat/agensi berkaitan.
 - v. PPI menerima Surat Jawapan Penempatan Latihan Industri daripada syarikat/agensi bagi permohonan yang berjaya.
 - vi. PPI mengeluarkan Surat Penerimaan Penempatan Pelajar kepada syarikat yang dipilih pelajar.
 - vii. Pelajar menghantar Surat Penolakan Tempat Latihan kepada syarikat lain yang tidak dipilih dan memberikan salinan kepada PPI.
 - viii. PPI mengadakan taklimat kedua pada akhir semester mengenai disiplin dan prosedur semasa LI:
 - memastikan pelajar mendaftar subjek ITR.
 - menerangkan prosedur dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pelajar sewaktu menjalani LI.
 - membekalkan pelajar dengan borang-borang berikut:
 - Perakuan Pelajar Kepada Kolej (**LI-K01-A**)

- Perakuan Pelajar Kepada Industri **(LI-K01-B)**
 - Pengesahan Lapor Diri Pelajar **(LI-K01-C)**
 - Laporan Kehadiran **(LI-K02-A)**
 - Borang Penilaian Penyelia Industri Pelajar **(LI-K02-B)**
 - Surat Pengesahan Tamat LI **(LI-K03-A)**
 - Borang Soal Selidik Syarikat LI **(LI-K03-B)**
- memberi penerangan terperinci tentang kandungan dan kegunaan dokumen-dokumen di atas.
 - memastikan pelajar menyertai Skim Perlindungan (Insuran) Kelompok Kolej dan membuat bayaran semasa pendaftaran subjek.
 - mengisi maklumat LI dan menyerahkan semua dokumen termasuk **LI-K01-A** mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh PPI. Penalti markah akan dikenakan sekiranya pelajar lewat mengisi maklumat dan menghantar dokumen yang diperlukan
 - memastikan tiada yuran pendaftaran lain yang dikenakan kepada pelajar yang pertama kali mengikuti LI.

3.6.1.1 Panduan Garis Masa

BIL	PERKARA	MINGGU	DOKUMEN BERKAITAN
1.	Taklimat Latihan Industri kali pertama	Minggu ke-2	LI-K01-A
2.	Penyediaan dokumen permohonan	Minggu ke-3	<ul style="list-style-type: none"> • Resume • Slip peperiksaan • Surat pengesahan & permohonan • Surat Jawapan LI
3.	Proses permohonan penempatan LI	Minggu ke 4 hingga 8	Seperti di perkara 2

4.	Penyerahan pengesahan penempatan (Borang jawapan LI) kepada PPI (Peringatan pertama)	Minggu ke-9	Surat Jawapan LI
5.	Penyerahan pengesahan penempatan (Borang jawapan LI) kepada PPI (Peringatan kedua)	Minggu ke-10	
6.	Taklimat Latihan Industri kali kedua	Minggu ke-10	<ul style="list-style-type: none"> • Buku log • Surat peringatan kepada pelajar yang masih gagal mendapat tempat
7.	Penyediaan akhir surat pengesahan penempatan latihan industri oleh PPI	Minggu ke 11-12	Surat pengesahan penempatan yang dikeluarkan oleh PPI

Jadual 3: Garis Masa Sebelum Latihan Industri

3.6.2 Semasa Latihan Industri:

i. Laporan Diri

- Pelajar melapor diri di syarikat/agensi pada tarikh dan masa seperti yang ditetapkan dalam Surat Penerimaan Penempatan Pelajar.
- Pelajar hanya dibenarkan untuk melapor diri di syarikat LI selepas tarikh senat keputusan semester lalu sehingga tarikh pendaftaran pelajar kanan (tertakluk kepada kalendar akademik yang dikeluarkan BPT).
- Kelewatan lapor diri hanya boleh dipertimbangkan oleh Pengarah Pusat berdasarkan alasan yang kukuh.

ii. Pelajar hendaklah berpakaian kemas dan berpenampilan baik serta menunjukkan minat yang tinggi.

- iii. Pelajar menyerahkan borang-borang berikut kepada PIP:
 - Perakuan Pelajar Kepada Industri **(LI-K01-B)**
 - Pengesahan Lapor Diri Pelajar **(LI-K01-C)**
 - Laporan Kehadiran **(LI-K02-A)**
 - Borang Penilaian Penyelia Industri Pelajar **(LI-K02-B)**
 - Surat Pengesahan Tamat LI **(LI-K03-A)**
- iv. PIP mengesahkan kehadiran pelajar dengan mengembalikan Borang Pengesahan Lapor Diri Pelajar kepada PPI dalam tempoh satu minggu selepas pelajar melaporkan diri. Kelewatan melapor diri selepas tempoh 7 hari tanpa alasan kukuh akan menerima status Gagal.
- v. Pertukaran tempat Latihan Industri adalah **tidak dibenarkan.**
- vi. Pemantauan berkala melalui telefon/ e-mel oleh PPI dan/ atau PAP hendaklah dilaksanakan.
- vii. Pelajar dikehendaki merekodkan segala aktiviti harian pada setiap hari bekerja dan perlu disahkan oleh PIP.
- viii. Setelah tamat tempoh LI, PIP dikehendaki melengkapkan dokumen berikut untuk diserahkan kepada PPI:
 - Laporan Kehadiran **(LI-K02-A)**
 - Borang Penilaian Penyelia Industri Pelajar **(LI-K02-B)**
 - Surat Pengesahan Tamat LI **(LI-K03-A)**
- ix. *Supplementary Paper*
 - KUPP/PPI akan memaklumkan kepada pelajar yang gagal mana-mana kursus dan layak

mengambil *Supplementary Paper* tentang tarikh peperiksaan berkaitan.

- PPI akan memohon kepada Unit Penilaian dan Pensijilan (UPP) Pusat untuk mengeluarkan surat panggilan menduduki *Supplementary Paper* kepada pelajar dan salinan kepada Penyelia Industri Pelajar.
 - Pelajar dibenarkan untuk menanggung LI sehingga tempoh maksima 4 minggu sebelum menyambung kembali LI selepas lulus *Supplementary Paper*.
 - Pelajar akan menghabiskan baki LI tersebut sehingga cukup tempoh.
- xi. Pelajar yang gagal mematuhi segala peraturan dan arahan yang dikenakan oleh pusat dan tempat latihan boleh dikira gagal dalam LI dan perlu mengulang pada sesi berikutnya.
- xii. Pelajar yang gagal perlu disahkan di peringkat senat/ senat khas pusat dahulu sebelum mengulang LI.

3.6.2.1 Panduan Garis Masa (Semasa LI)

BIL	PERKARA	MINGGU	DOKUMEN BERKAITAN
1.	Lapor diri di syarikat	1	<ul style="list-style-type: none"> • LI-K01-B (Akujanji pelajar ke syarikat) • LI-K01-C (Pengesahan Lapor diri)
2.	Penghantaran pengesahan lapor diri pelajar kepada PPI	2	LI-K01-C
3.	Rumusan Mingguan oleh pelajar dihantar kepada PAP	Setiap minggu (dihantar pada hari pertama minggu berikutnya)	

Jadual 4: Garis Masa Semasa Latihan Industri

3.6.3 Selepas Latihan Industri:

- i. Pelajar dikehendaki menghantar catatan aktiviti harian/buku log dan laporan latihan kepada PAP dalam tempoh satu minggu selepas tamat LI.
- ii. Penyelia Industri Pelajar menyerahkan dokumen berikut kepada PPI:
 - Laporan Kehadiran **(LI-K02-A)**
 - Borang Penilaian Penyelia Industri Pelajar **(LI-K02-B)**
 - Surat Pengesahan Tamat LI **(LI-K03-A)**
- iii. Pembentangan
 - PPI mengatur jadual pembentangan laporan LI pelajar.
 - Panel penilai pembentangan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang pensyarah termasuk PAP.
 - PAP mengisi skor markah pembentangan pelajar
- iv. PAP memulakan proses penilaian secara menyeluruh.
- v. Markah penilaian oleh PAP hendaklah dihantar dalam adalah tempoh dua (2) minggu selepas penilaian pembentangan.
- vi. Markah penilaian dimasukkan oleh PPI dalam sistem Unit Penilaian dan Peperiksaan untuk diproses.

3.6.3.1 Panduan Garis Masa (Selepas LI)

BIL	PERKARA	MINGGU	DOKUMEN BERKAITAN
1.	Penyerahan borang tamat LI kepada PAP & PPI	Seminggu selepas tarikh tamat LI	<ul style="list-style-type: none"> • LI-K02-A • LI-K02-B • LI-K03-A • Buku Log • Laporan
2.	Pembentangan latihan industri	Minggu ke-2 selepas tamat LI	Slide pembentangan

Jadual 5: Garis Masa Selepas Latihan Industri

3.7 Kehadiran

3.7.1 Pihak pusat menerima laporan kehadiran pelajar daripada PIP yang meliputi:

- i. Jumlah hari hadir bekerja (tolak cuti umum)
- ii. Jumlah hari cuti sakit (hospital atau klinik kerajaan sahaja)

Jumlah Hari Tidak Hadir	Markah(%)
0	10
1	9
2	8
3	7
≥4	0

Jadual 6: Ketidakhadiran

3.7.2 Cuti Sakit

- i. Cuti sakit yang melebihi 14 hari perlu mengulangi LI (bergantung kepada keputusan Pengurusan Pusat).
- ii. Cuti sakit selain daripada klinik/ hospital kerajaan boleh dipertimbangkan.

- iii. Pertimbangan cuti sakit hanya diberikan bagi kes-kes tertentu yang melibatkan penyakit berjangkit dan rawatan di wad (bergantung kepada budi bicara pusat).

3.7.3 Cuti Kematian

- i. Cuti selama 3 hari kerana kematian ahli keluarga terdekat perlu disertakan bersama Sijil Kematian.
- ii. Cuti tidak boleh diambil kecuali hal kecemasan seperti kematian.

3.7.4 Pengurusan Kes Penyakit Berjangkit (Kuarantin)

- i. Pelajar yang mendapat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) boleh menjalani LI secara BDR di tempat kuarantin iaitu rumah kediaman.
- ii. Pelajar perlu memaklumkan secara bertulis serta menyertakan dokumen sokongan (salinan surat/ arahan kuarantin) kepada pusat dan perlu mendapatkan kebenaran syarikat.
- iii. Tempoh LI pelajar tidak terjejas sepanjang tempoh kuarantin tersebut.

4.0 LAWATAN SELIAAN

4.1 Tujuan lawatan seliaan adalah untuk:

4.1.1 Memastikan pelajar-pelajar diberikan tugas yang sesuai

4.1.2 Menilai prestasi dan kesungguhan pelajar

4.1.3 Memberi bimbingan dan nasihat kepada pelajar serta berbincang dengan pelajar dan wakil organisasi sekiranya terdapat masalah semasa latihan

- 4.1.4 Memupuk hubungan baik antara pusat dan industri
- 4.2 Penyelia pelajar adalah terdiri daripada PAP dan PIP.
- 4.3 Penyelia Lawatan dari pusat boleh dilantik dalam kalangan pegawai MARA yang sesuai (IPMA/PMD/PMN dan lain-lain).
- 4.4 Lawatan seliaan ke tempat LI hendaklah dibuat secara rawak sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh LI iaitu dilakukan pada pertengahan tempoh LI atau mana-mana waktu yang sesuai.
- 4.5 Prosedur lawatan seliaan:
- 4.5.1 Tindakan PPI
- i. Membuat temujanji dengan syarikat/ agensi untuk tujuan lawatan dan mengesahkan lawatan (Surat Pengesahan Lawatan Seliaan)
 - ii. Membuat jadual lawatan seliaan untuk tujuan lawatan bersama PAP
 - iii. Menyediakan Borang Lawatan Penyeliaan Industri (**Borang A1**) dan **Borang B1** (untuk pelajar) semasa seliaan dilaksanakan.
 - iv. Berbincang dengan PIP mengenai prestasi pelajar
 - v. Menyemak rekod aktiviti harian pelajar
 - vi. Berbincang dengan pelajar mengenai prestasi/ kemajuan pelajar
 - vii. **Borang A1** akan diisi oleh PPI/ PAP selepas sesi perbincangan bersama PIP.

4.5.2 Tindakan Pelajar

- i. Menyerahkan buku log untuk semakan PPI/ PAP.
- ii. Melengkapkan **Borang B1** dan diserahkan kepada PPI/ PAP.

5.0 PENULISAN LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

- 5.1 Laporan LI adalah penting untuk mendokumentasikan aktiviti-aktiviti harian pelajar sepanjang latihan dan menjadi bukti kepada latihan yang telah diikuti.
- 5.2 Setiap pelajar diwajibkan menulis satu laporan LI yang lengkap dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pusat.
- 5.3 Format laporan LI perlu dipatuhi sepenuhnya dan laporan LI akan ditolak jika didapati tidak mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.
- 5.4 Hasil tulisan mestilah asli dan berdasarkan pengalaman pelajar sendiri.
- 5.5 Laporan hendaklah ditulis dalam Bahasa Inggeris.
- 5.6 Serahan Laporan Latihan:
 - 5.6.1 Pelajar hendaklah menyiapkan dan menyerahkan laporan LI kepada PAP semasa hari pembentangan.
 - 5.6.2 Laporan LI pelajar perlu mengikut format yang berikut. Namun begitu, setiap program dibenarkan untuk membuat pengubahsuaian format bergantung kepada keperluan program.
- 5.7 Format Laporan LI adalah seperti berikut:

NO.	ITEM	MARKS	
		Allocated	Obtained
i.	Student's Biodata Name Identification Card No. & Student No. KPM's Address Age & Gender Name & Address of Company Date & Duration of Industrial Training	1	
ii.	Acknowledgement	1	
iii.	Declaration		
iv.	Abstract		
iv.	Table of Content	1	
1.0	Introduction	2	
1.1	About the Program		
1.2	Objectives/ Purposes of Industrial Training		
2.0	Company Name of Company Address & Telephone & Fax. No. Company Registration No. Type of Business Status of Company (Sole Proprieter / Partnership / Sdn. Bhd.) Owner / Board of Directors Company Organisational Chart Vision & Mission of Company	4	
3.0	Observation on policies/ procedures/ system used - Management - Operation - Marketing - Finance -Technologies gained / new knowledge	20	
4.0	Work experience / Description of tasks (minimum of 5 tasks)	20	
5.0	Relevance of courses taken at KPM to the present work experience (Minimum of 10 courses)	20	
6.0	Interaction with others:		
6.1	- 2 Interviews with: i. Executive level staff ii. Supporting staff	5	
6.2	Describe one role model from the company	5	
7.0	Problem / suggestions (minimum of 8 relevant ideas)	10	
8.0	Conclusion - Benefits / Recommendations	7	
9.0	Appendix	4	
TOTAL		100	$\sum e$

Jadual 7: Format Laporan LI

6.0 PERANAN PEGAWAI PERHUBUNGAN INDUSTRI (PPI)

- 6.1 Menyediakan tentatif dan senarai semak sebelum LI dilaksanakan.
- 6.2 Menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan termasuk surat pengesahan pelajar
- 6.3 Memberi taklimat kepada pelajar mengenai perkara berikut:
 - 6.3.1 Tujuan, bidang dan tempoh LI
 - 6.3.2 Tempat LI
 - 6.3.3 Dokumen yang berkaitan
 - 6.3.4 Peraturan/Etika LI
- 6.4 Membuat perbincangan bersama Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Akademik) (TPHEA)/ Ketua Jabatan (KJ)/ Ketua Program (KP) bagi lantikan Penyelia Akademik Pelajar (PAP).
- 6.5 Menyelaras penempatan pelajar untuk LI
- 6.6 Mengeluarkan surat penerimaan penempatan LI
- 6.7 Menyelaras pembentangan laporan LI
- 6.8 Membuat lawatan seliaan secara rawak
- 6.9 Membuat jadual lawatan seliaan
- 6.10 Membuat temujanji untuk lawatan seliaan atau lawatan bagi kes-kes tertentu

7.0 PERANAN PENYELIA AKADEMIK PELAJAR (PAP)

- 7.1 Mengenalpasti penempatan pelajar seliaannya
- 7.2 Membuat panggilan ke syarikat/agensi dalam tempoh satu minggu selepas pelajar lapor diri bagi memastikan pelajar telah melapor diri di tempat latihan
- 7.3 Berhubung dengan PIP dari semasa ke semasa (Pemantauan berkala bulanan).
- 7.4 Membuat penilaian pelajar.
- 7.5 Menghantar markah penilaian kepada PPI.

8.0 PERANAN PENYELIA INDUSTRI PELAJAR (PIP)

- 8.1 Membuat seliaan harian terhadap pelajar
- 8.2 Berhubung dengan PPI/ PAP jika ada keperluan
- 8.3 Membuat penilaian prestasi pelajar semasa latihan
- 8.4 Menyerahkan Borang Penilaian, Laporan Kehadiran dan Surat Pengesahan Tamat Latihan Industri kepada PPI / PAP pada akhir latihan.
- 8.5 Menyediakan borang skop tugas pelajar di tempat latihan.

9.0 PERANAN PELAJAR

- 9.1 Mencari tempat yang bersesuaian dengan bidang program, mengisi maklumat LI serta menghantar dokumen yang diperlukan untuk menjalani LI.
- 9.2 Memaklumkan pilihan tempat kepada PPI 2 minggu sebelum tarikh lapor diri.

- 9.3 Melapor diri di tempat latihan pada tarikh yang ditetapkan.
- 9.4 Menyerahkan dokumen yang berkaitan sewaktu latihan kepada PIP.
- 9.5 Menghadiri LI setiap hari dalam tempoh yang ditetapkan mengikut program kecuali atas sebab-sebab berikut:-
 - 9.5.1 Bencana Alam/Kebakaran
 - 9.5.2 Mufliis/Tiada Projek/Perniagaan tidak beroperasi

Nota: Pelajar perlu memaklumkan Pusat jika kejadian-kejadian seumpama itu berlaku.
- 9.6 Mematuhi peraturan/etika kerja yang ditetapkan oleh pusat/industri seperti:
 - 9.6.1 Tempoh latihan
 - 9.6.2 Waktu bekerja
 - 9.6.3 Kod pakaian
 - 9.6.4 Peraturan pejabat/tempat latihan industri
 - 9.6.5 Keselamatan dan kerahsiaan maklumat
- 9.7 Memaklumkan kepada PIP, PAP dan PPI jika ada sebarang masalah dengan kadar segera.
- 9.8 Membuat pembentangan laporan latihan industri pada tarikh yang ditetapkan.
- 9.9 Pelajar wajib memiliki polisi insuran serta buku log sebelum menjalani latihan industri.
- 9.10 Menghantar rekod aktiviti harian dan laporan latihan kepada PAP setiap minggu.

10.0. PERANAN PENYELARAS LATIHAN INDUSTRI PROGRAM DI PUSAT

- 10.1 Membantu Unit LI dari semasa ke semasa.
- 10.2 Memberi taklimat berkenaan laporan latihan industri mengikut Program.
- 10.3 Membuat lawatan penyeliaan bersama PPI dan PAP.
- 10.4 Menyelaraskan perincian silibus yang digunakan bagi kursus Latihan Industri di pusat.

11.0. PERATURAN/ DISIPLIN/ HUKUMAN

Semua pelajar KPM adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik Kolej Profesional MARA semasa. Bagi urusan Tatatertib, perlu merujuk Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Kolej Profesional MARA.

11.1 SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN PENGAJIAN PELAJAR DAN MAJLIS AMANAH RAKYAT

11.1.1 Pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti Latihan di mana-mana Institusi adalah juga tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pendidikan Pelajar dan Majlis Amanah Rakyat.

11.1.2 Pelajar yang telah melanggar syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau peraturan tatatertib pelajar, maka di dalam mana-mana hal yang demikian itu, MARA boleh mengikut budi bicaranya yang mutlak memberhentikan pengajian atau mengenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya di mana difikirkan perlu.

11.2 PERATURAN LATIHAN INDUSTRI

11.2.1 Pelajar yang menjalani Latihan Industri dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh MARA dan Agensi Latihan.

11.2.2 Tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Manual Latihan Industri yang sedang berkuatkuasa, mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tataertib semasa menjalani Latihan Industri juga boleh dikenakan tindakan dibawah Peraturan Tatatertib pelajar ini.

11.2.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk menjalani latihan industri di syarikat sendiri atau syarikat keluarga pelajar.

11.3 DISIPLIN

Sepanjang tempoh latihan industri pelajar:

11.3.1 Bertanggungjawab **sepenuhnya** kepada industri.

11.3.2 Mematuhi tempoh LI, masa bekerja dan segala peraturan di industri

11.3.3 Pelajar tidak boleh merosakkan atau menyalahgunakan sebarang harta benda kepunyaan industri

11.3.4 Pelajar **DITEGAH** dari membocorkan rahsia atau memberi sebarang maklumat atau sebarang perkara berkaitan urusanniaga pihak industri atau pelanggan-pelanggannya atau maklumat lain yang diperolehi semasa menjalani latihan tersebut atau sesudahnya.

11.4 TINDAKAN HUKUMAN

Jika seseorang pelajar didapati melanggar mana-mana peraturan atau melakukan kesalahan tatatertib, maka tindakan berikut boleh dikenakan berdasarkan Buku Peraturan Tatatertib Siswa Kolej Profesional MARA & Kolej MARA daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA. Kesalahan-kesalahan tersebut juga boleh dikenakan tindakan hukuman yang ditetapkan:

- **Sebelum menjalani latihan industri**

Bil	Perkara	Hukuman
1	Tidak hadir taklimat pertama	Penolakan markah 1% (ITM)
2	Tidak hadir taklimat kedua	Penolakan markah 1% (ITM)
3	Lewat mengesahkan penempatan selepas tempoh yang ditetapkan (Peringatan Pertama)	Penolakan markah 1% (ITM)
4	Lewat mengesahkan penempatan selepas tempoh yang ditetapkan (Peringatan Kedua)	Penolakan markah 2% (ITM)
5	Tidak mengesahkan penempatan selepas peringatan kedua seminggu sebelum tarikh lapor diri	Gagal LI
6	Lewat mengisi maklumat LI dan menghantar dokumen yang berkaitan dengan LI	Penolakan markah 2% (ITM)

Jadual 8: Kesalahan dan Hukuman Sebelum Menjalani LI

▪ Semasa menjalani latihan industri

Bil	Perkara	Hukuman
1	Lewat melapor diri	RM 20.00 bagi hari pertama Penambahan RM 5.00 hari berikutnya
2	Tidak lapor diri selepas 7 hari tanpa alasan	Gagal LI
3	Tidak hadir 3 hari bekerja berturut-turut tanpa sebab	Amaran
4	Tidak hadir 6 hari bekerja berturut-turut tanpa sebab	Gagal LI
5	Jumlah tidak hadir keseluruhan 7 hari bekerja tanpa sebab	Amaran
6	Jumlah tidak hadir keseluruhan melebihi 7 hari bekerja tanpa sebab	Gagal LI
7	Diberhentikan oleh industri dengan sebab	Gagal LI
8	Jumlah tidak hadir keseluruhan melebihi 20% daripada tempoh latihan dengan sebab	Tidak memenuhi syarat lulus LI*
9	Lewat menghantar dokumen yang berkaitan	Penolakan markah 2% (ITM)
10	Pertukaran tempat LI tanpa kebenaran	RM 100.00

Jadual 9: Kesalahan dan Hukuman Semasa Menjalani LI

*Nota: Pelajar yang tidak memenuhi syarat lulus LI boleh:-

- i. Memohon penangguhan LI
- ii. Memohon untuk melanjutkan tempoh LI
- iii. Mengulang LI

(Mengikut pertimbangan Pengurusan Pusat)

- **Selepas menjalani latihan industri**

Bil	Perkara	Hukuman
1	Lewat menghantar dokumen yang berkaitan	Penolakan markah 2% (ITM)
2	Tidak hadir pembentangan latihan industri	Penolakan markah 20% (ITR Presentation)
3	Tidak menghantar laporan latihan industri	Penolakan markah 20% (ITR Report)
4	Tidak menghantar laporan kehadiran	Penolakan markah 10% (Attendance)
5	Tidak menghantar buku log	Penolakan markah 15% (Logbook)
6	Tidak menghantar borang penilaian penyelia industri	Penolakan markah 20% (Student Performance)

Jadual 10: Kesalahan dan Hukuman Selepas Menjalani LI

11.5 SALAHLAKU DISIPLIN DAN TATATERTIB

Jika pelajar didapati mengamalkan salahlaku disiplin dan tatatertib sepanjang LI, sepertimana yang tertera dalam Buku Peraturan Tatatertib Siswa Kolej Profesional MARA & Kolej MARA, boleh diambil tindakan lanjut oleh pusat.

12.0. PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI

12.1 Sebelum lapor diri di industri

12.1.1 Pertukaran tempat Latihan Industri adalah **tidak dibenarkan** selepas pusat mengeluarkan **Surat Penerimaan Penempatan Pelajar** kecuali terdapat sebab-sebab yang munasabah seperti:

- a. Bidang tugas yang tidak bersesuaian dengan program
- b. Faktor kesihatan/ kebajikan/ keselamatan pelajar
- c. Syarikat telah/ hampir tutup/ mufliis

12.1.2 Dalam kes permohonan pertukaran, pelajar dikehendaki mengisi 3 dokumen seperti berikut :

- a. Surat penolakan tawaran kepada industri sedia ada
- b. Surat Permohonan daripada Pelajar dan dokumen sokongan
- c. Surat Jawapan Penempatan Latihan Industri yang baru

12.2 Selepas lapor diri di industri

12.2.1 Pertukaran tempat Latihan Industri adalah **tidak dibenarkan** kecuali terdapat sebab-sebab yang munasabah seperti:

- d. Mufliis/Tiada Projek/Perniagaan tidak beroperasi
- e. Keselamatan dan kebajikan pelajar yang boleh melibatkan unsur jenayah.

12.2.2 Dalam kes permohonan pertukaran, pelajar dikehendaki mengisi 3 dokumen seperti berikut :

- a. Borang Permohonan Pertukaran Tempat Latihan Industri **(LI-K03-C)**
 - b. Surat Permohonan daripada Pelajar
 - c. Surat Jawapan Penempatan Latihan Industri yang baru
- 12.2.3 PPI perlu menyiasat sama ada pertukaran itu wajar dilakukan ataupun tidak.
- 12.2.4 Pelajar akan dirujuk pada Jawatankuasa Tatatertib sekiranya gagal mematuhi perkara seperti berikut:
- a. Memberi maklum balas berkenaan Borang Permohonan Pertukaran Tempat Latihan Industri **(LI-K03-C)**.
 - b. Pertukaran tempat LI tanpa kebenaran dan pengesahan syarikat lama, pelajar akan dikenakan denda RM 100.00
 - c. Pelajar wajib mendapat pengesahan daripada PPI dan kelulusan daripada Pengurusan Pusat bagi urusan pertukaran tersebut.
 - d. Sekiranya pertukaran ini diluluskan maka proses penempatan latihan industri perlu dilakukan semula.
 - e. Pertukaran tempat latihan industri hanya dibenarkan sekali sahaja selepas kelulusan.
- 12.2.5 Pelajar dikehendaki menghantar **Borang Pengesahan Laporan Diri** yang telah disahkan oleh industri kepada PPI

dalam tempoh **seminggu** selepas tarikh lapor diri di syarikat yang baru.

12.2.6 Tempoh lama LI hanya akan diambil kira jika syarikat lama menepati bidang program.

12.2.7 Tempoh seminggu LI dikira apabila pelajar melengkapkan sekurang-kurangnya 3 hari bekerja selepas pertukaran dalam minggu tersebut.

13.0 PENANGGUHAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI

13.1 Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas faktor kesihatan/alasan yang munasabah dengan mendapat kelulusan daripada Pengawal Pusat.

13.2 Penangguhan hanya dibenarkan tidak melebihi **satu (1)** semester. Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi **dua (2)** semester; maka tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pengarah BPT.

13.3 Tempoh penangguhan semester akan diambilkira dalam bilangan tempoh maksimum pengajian.

14.0 LANJUTAN TEMPOH LATIHAN INDUSTRI

14.1 Pelajar yang sedang menjalani latihan industri perlu mematuhi tempoh latihan industri yang ditetapkan oleh pusat.

14.2 Pelajar yang belum lengkap tempoh latihan industri seperti yang ditetapkan perlu melanjutkan tempoh latihan industri sehingga cukup tempoh tersebut.

- 14.3 Pelajar yang lengkap tempoh latihan industri tetapi ingin melanjutkan tempoh atas permintaan syarikat atau keinginan pelajar sendiri, ianya adalah di bawah tanggungjawab pelajar. Pelajar perlu membuat permohonan rasmi secara bertulis kepada Pengarah Pusat.
- 14.4 Sebarang isu keselamatan, kebajikan dan lain-lain yang berlaku dalam tempoh lanjutan disebabkan perkara 14.3 adalah di bawah tanggungjawab pelajar dan syarikat.
- 14.5 Tempoh lanjutan di perkara 14.3 ini dibenarkan sekiranya tidak mengganggu penyediaan dokumen tamat latihan dan sesi pembentangan akhir pelajar.

15.0 PANDUAN PENGURUSAN KES SEMASA LATIHAN INDUSTRI

- Pengurusan kes-kes pelajar semasa latihan industri adalah tertakluk kepada Manual Latihan Industri dan Pengurusan Tatatertib Siswa Kolej Profesional MARA dan Kolej MARA.
- Panduan pengurusan kes adalah seperti berikut :

15.1 Kemalangan Pelajar Di Tempat Kerja

- i. Setiap pelajar yang menjalani latihan industri perlu mengetahui berkenaan tindakan yang perlu dilakukan sewaktu kemalangan sama ada berlaku kepada diri sendiri atau rakan masing-masing. Oleh yang demikian, setiap tragedi atau kemalangan yang berlaku perlu memaklum kepada Pegawai Perhubungan Industri, Ketua Jabatan, Penyelaras Latihan Industri dan Penyelia Akademik Pelajar.

- ii. Semua pelajar dilindungi di bawah skim insurans berkelompok yang dikendalikan oleh pusat.
- iii. PPI perlu memastikan skim insurans berkelompok pelajar masih aktif sepanjang pelajar menjalani latihan industri.
- iv. Sebarang kes kemalangan di tempat kerja perlu dilaporkan kepada syarikat dan pusat dalam tempoh 24 jam selepas kejadian.
- v. Sebarang tuntutan akibat kemalangan perlu dibuat kepada pusat dengan melampirkan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti :
 - a. Borang tuntutan yang lengkap diisi.
 - b. Salinan IC
 - c. Salinan Lesen Memandu (bagi kemalangan jalan raya)
 - d. Salinan report polis (bagi kemalangan jalan raya yang menyebabkan kematian)
 - e. Salinan Asal Bill hospital
 - f. Salinan Asal Resit pembayaran
 - g. Salinan discharge note
 - h. Laporan perubatan oleh doktor perubatan.
- vi. Bagi kes kemalangan yang melibatkan cuti sakit melebihi 14 hari, pelajar perlu mengulang LI (bergantung kepada pengurusan pusat).
- vii. Bagi pelajar yang mendapat cuti sakit akibat kemalangan tidak melebihi 14 hari, bilangan tersebut diambil kira dalam tempoh latihan industri.

15.2 Kes Kematian Pelajar Latihan Industri

- i. Bagi kes yang melibatkan kematian pelajar semasa menjalani LI, pihak industri atau waris pelajar perlu memaklumkan segera kepada Pegawai Perhubungan Industri untuk tujuan rekod pelajar dan tuntutan insuran.
- ii. Jika kes kematian pelajar yang berada jauh dengan waris atau keluarga khususnya pelajar Sabah dan Sarawak, pusat bertanggungjawab membuat persediaan pengurusan jenazah pelajar.
- iii. Pusat mendapatkan laporan perubatan dari pihak hospital, laporan polis dan pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan sijil dan dokumen lain untuk pengurusan pengebumian atau penghantaran mangsa.
- iv. Pusat perlu mengurus dokumen dan barang-barang peribadi milik mangsa untuk dihantar kepada keluarga atau waris.

15.3 Kes Kerosakan Harta Benda Syarikat

- i. Semasa menjalani LI, syarikat dan pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap harta benda syarikat.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan harta benda syarikat bagi kepentingan peribadi.
- iii. Syarikat dan pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kerosakan yang berlaku kepada harta benda syarikat disebabkan kecuaiian syarikat atau pelajar.


- iv. Pelajar bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan yang dilakukan oleh syarikat jika kerosakan tersebut disebabkan kecuaiannya pelajar.

15.4 Penamatan Awal Oleh Majikan


- i. Pelajar dilarang untuk menamatkan LI lebih awal dari tarikh yang telah ditetapkan pusat.
- ii. Pelajar yang ditamatkan LI lebih awal boleh mengakibatkan pelajar untuk mendapat gred Gagal LI.
- iii. Sekiranya pelajar ditamatkan awal oleh majikan disebabkan oleh kejadian yang tidak dijangka seperti masalah dalaman syarikat, isu keselamatan dan kebajikan pelajar, pelajar perlu segera melaporkan kepada PPI untuk tindakan susulan.
